

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENGETAHUAN DAN AMALAN
PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR
MASYARAKAT ISLAM NEGERI
SELANGOR: KAJIAN PROGRAM
KITAR SEMULA**

MOHD TAKIYUDDIN BIN IBRAHIM

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Jun 2022

ABSTRAK

Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia dan menjadi kewajipannya untuk memulihara kelestarian bertepatan dengan tugasnya sebagai khalifah di bumi. Penghasilan sampah harian mencatatkan peningkatan 100.75% kepada 38,142 tan pada tahun 2018 dan perbelanjaan kerajaan mencecah RM2 bilion dalam pengurusan sisa pepejal bagi tujuh negeri setiap tahun menjadi sebab perlunya amalan kitar semula diperkasakan. Justeru, objektif kajian adalah untuk mengkaji konsep pemuliharaan alam sekitar dalam Islam, menganalisis pengetahuan dan amalan masyarakat Islam di negeri Selangor berkaitan amalan kitar semula dan mencadangkan model pemuliharaan alam sekitar melalui amalan kitar semula yang selari dengan ajaran Islam. Kajian ini menggunakan rekabentuk Kaedah Gabungan (Mixed Methode) yang dicadangkan oleh Creswell dan Clerk (2011) iaitu data-data diperolehi melalui sumber kualitatif (temubual, pemerhatian dan dokumen) serta dapatan soal selidik kepada 406 orang responden dari kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Kuala Langat, Negeri Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan masyarakat Islam tentang kitar semula adalah amat baik, tetapi dari segi amalannya di tahap sederhana. Penambahbaikan dicadangkan untuk menarik minat dan sikap masyarakat Islam menjadikan kitar semula sebagai amalan dalam kehidupan. Dapatan kuantitatif telah menyokong data kualitatif dengan keseluruhan analisis mencapai keputusan pada tahap yang tinggi. Analisis mengenai pengetahuan samada pengetahuan agama atau umum berkaitan kitar semula mencapai tahap yang tinggi ($M = 4.46$). Sikap masyarakat Islam terhadap amalan kitar semula juga berada pada tahap yang tinggi ($M = 4.09$). Amalan kitar semula di kalangan masyarakat Islam adalah di tahap sederhana ($M = 3.76$). Barangan kitar semula yang dipraktikkan juga di tahap sederhana ($M = 3.70$). Hasil kajian menunjukkan pengetahuan agama sahaja tidak mampu membentuk sikap. Oleh itu ianya tidak signifikan terhadap amalan ($Sig = 0.402$). Seseorang yang mempunyai sikap positif terhadap kitar semula berteraskan pengetahuan agama adalah amat signifikan terhadap amalan kitar semula ($Sig = 0.00$). Pengetahuan umum berkaitan kitar semula adalah signifikan terhadap amalan kitar semula ($Sig = 0.005$) walaupun kurang mempunyai sikap yang positif terhadap kitar semula. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengetahuan umum yang telah membentuk sikap menjadi amat signifikan terhadap amalan kitar semula di kalangan masyarakat Islam ($Sig = 0.00$). Hasil kajian juga mendapati bahawa pengetahuan agama Islam dan umum mesti diberikan penekanan secara berterusan agar dapat membentuk sikap positif terhadap kitar semula di kalangan masyarakat Islam sehingga boleh menjadikan kitar semula sebagai amalan dalam kehidupan. Model amalan kitar semula yang dihasilkan adalah adaptasi dari Model Ekosofi Islam oleh Zaini Ujang.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah S.W.T kerana melorongkan jalan dan ruang bagi diri saya yang mempunyai banyak kekurangan dan kelemahan untuk menyambung pengajian di peringkat ini. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Setinggi-tinggi penghargaan dengan ucapan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr Huzaimah Hj Ismail selaku penyelia utama di atas tumpuan tenaga, masa, pandangan dan idea serta semangat yang diberikan. Begitu juga kesanggupan untuk memberikan semangat dan motivasi dalam menyempurnakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga turut ditujukan kepada Prof Madya Dr Mohd Dani bin Mohamad selaku penyelia kedua yang banyak membantu dan membimbing pengkaji untuk menyiapkan kajian secara baik dan sempurna.

Penghargaan juga dipanjangkan kepada Universiti Teknologi MARA selaku majikan yang telah memberikan peluang kepada pengkaji untuk menyambung pengajian di peringkat ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada panel pakar yang telah turut sama menyumbangkan tenaga, masa dan idea bagi melengkapkan kajian ini.

Kalungan pujian dan terima kasih kepada isteri tercinta Prof Dr Titik Khawa bt Abdul Rahman yang telah banyak memberikan motivasi, bantuan dan semangat untuk pengkaji meneruskan pengajian ini. Ucapan terima kasih kepada anak-anak dan menantu tersayang, Nabil, Nubhan, Hakim, Huda, Mu'min, Syuhadah dan Arizah yang sentiasa membantu, memberikan motivasi serta menghiburkan hati abahnya untuk menyiapkan kajian ini. Titipan doa keampunan dan rahmat buat ayahanda tercinta saya, Allahyarham Hj Ibrahim bin Awang Said dan bonda tercinta Allahyarhamah Hajjah Nik Khadijah bt Abdul Rahman serta kekanda yang dikasihi Allahyarham Prof Madya Dr Ahmad Zaki bin Ibrahim dan Allahyarham Hj Abdul Aziz bin Ibrahim yang telah pergi menemui Ilahi.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia Prof Madya Dr Huzaimah Ismail dan penyelia kedua Prof Madya Dr Mohd Dani bin Mohamad yang tidak putus-putus memberikan bimbingan dan kata-kata semangat kepada pengkaji supaya menghabiskan kajian ini. Terima kasih juga kepada Pak Asrul dari Jakarta, Indonesia, Dr Amzari Tumiran dan Dr Mohd Ridhuwan Remly yang telah membantu pengkaji menganalisis data sehingga selesai. Penghargaan juga disampaikan kepada seluruh warga Universiti Teknologi MARA terutama rakan-rakan sekerja di Pusat Asasi UiTM, Kampus Dengkil dan rakan-rakan pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM, Shah Alam khususnya Prof Madya Ezani Yaakob, Ust Muhammad Shukran Abdul Razak, Dr Kamariah Yusoff dan Ustaz Mohd Solahuddin Shahrudin yang sentiasa memberikan motivasi kepada pengkaji untuk menamatkan kajian ini serta semua rakan-rakan samada secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih tidak terhingga buat kalian semua. Alhamdulillah atas kurniaan yang tidak ternilai dari Mu Ya Allah.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN PANEL PEMERIKSA	ii
PERAKUAN PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI TRANSLITERASI	xvii
SENARAI SINGKATAN	xx
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Konsep Alam Sekitar	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Penyataan Masalah	13
1.4 Objektif dan Persoalan Kajian	25
1.4.1 Objektif Kajian	25
1.4.2 Persoalan Kajian	25
1.5 Rasional Dan Signifikan Kajian	26
1.6 Limitasi & Skop Kajian	27
1.7 Sorotan Penulisan	27
1.7.1 Kajian Tentang Islam dan Pemuliharaan Alam Sekitar	28
1.7.2 Kajian Hubungan Antara Pengetahuan Dan Amalan Pemuliharaan Alam Sekitar	36
1.7.3 Kajian Kepentingan Pendidikan Dan Amalan Pemuliharaan Alam Sekitar	40
1.7.4 Kajian Peranan Dan Penglibatan Institusi Agama Dalam Pendidikan Alam Sekitar	42
1.8 Konseptual Kajian	47

1.8.1 Model Ekosofi Jepun	48
1.9 Definisi Operasi Tajuk	55
1.9.1 Pengetahuan	55
1.9.2 Sikap	55
1.9.3 Pemuliharaan Alam Sekitar	55
1.9.4 Pengurusan Sampah	58
1.9.5 Kitar Semula	59
1.9.6 Pencemaran Air	59
1.10 Metodologi Kajian	60
1.10.1 Pengenalan	60
1.10.2 Reka Bentuk Kajian	61
1.10.3 Kawasan Kajian, Populasi dan Sampel Kajian	69
<i>1.10.3.1 Kawasan Kajian</i>	69
<i>1.10.3.2 Populasi dan Sampel Kajian</i>	69
<i>1.10.3.3 Kaedah Persampelan Dan Penentuan Saiz Sampel</i>	70
1.10.4 Instrumen Kajian	73
<i>1.10.4.1 Instrumen Temubual</i>	73
<i>1.10.4.2 Instrumen Pemerhatian</i>	75
<i>1.10.4.3 Instrumen Soal Selidik</i>	76
1.10.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	77
<i>1.10.5.1 Kesahan</i>	78
<i>1.10.5.2 Kebolehpercayaan</i>	80
1.10.6 Kajian Rintis	83
1.10.7 Tatacara Pengumpulan Data	86
1.10.8 Tatacara Penganalisaan Data	88
<i>1.10.8.1 Analisis Data Kualitatif</i>	88
<i>1.10.8.2 Analisis Data Kuantitatif</i>	91
1.10.9 Sistematis Penulisan	93
1.11 Kesimpulan	94
BAB DUA: PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	
2.0 Pengenalan	96